

**Undilah: Nurul Izzah gesa SKMM kaji balik larangan
The Malaysian Insider
23 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Sept — Nurul Izzah Anwar (gambar), salah seorang yang menjayakan penerbitan klip video Undilah, menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menarik balik keputusan melarang bahan itu disiarkan menerusi stesen penyiaran tempatan.

Malah Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Naib Presiden PKR ini juga meminta SKMM memberi penjelasan mengenai arahan yang dikeluarkan kepada penyiar tempatan itu.

“Janganlah kebebasan SKMM diperkuda demi permainan politik seorang menteri yang sudah jelas ketinggalan zaman, yang semakin hilang ditelan arus pemodenan corak politik tanah air,” kata beliau lagi.

Nurul Izzah berkata beliau amat terkejut membaca berita bahawa SKMM telah mengarahkan penyiar tempatan supaya berhenti daripada menayangkan hebahan khidmat awam (PSA) Undilah yang diterbitkan oleh Pete Teo.

Ia dilancarkan sempena Hari Malaysia minggu lalu.

“PSA ini, yang disertai diri saya sendiri dan ramai lagi tokoh masyarakat Malaysia, adalah satu usaha tak berpihak untuk mengajak rakyat Malaysia mendaftar sebagai pengundi dan keluar mengundi bila tiba masa pilihan raya nanti demi mengukuhkan proses demokrasi yang diamalkan di negara kita.

“Ia bertujuan memupuk semangat demokrasi di kalangan rakyat Malaysia, tanpa mengira pihak mana yang disokong,” katanya.

Beliau berkata, ketika para pemimpin negara begitu gah mahu menjadikan Malaysia negara pengamal “demokrasi terbaik” di dunia, tindakan SKMM ini jelas merosakkan usaha-usaha tersebut dan seakan memperlekeh intelek rakyat Malaysia amnya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/undilah-nurul-izzah-gesa-skmm-kaji-balik-larangan/>